

Teroka MAKKAH +TAIF

Menelusuri Jejak Sirah di Bumi Kelahiran Rasulullah

LIDI MEDIA

LUQMAN MAKHTAR

KANDUNGAN

Bab 1	MAKKAH	1
Bab 2	KAABAH	21
Bab 3	BAHAGIAN-BAHAGIAN KAABAH	55
Bab 4	MATAF (DATARAN TAWAF)	125
Bab 5	BANGUNAN MASJIDILHARAM	165
Bab 6	MAS'A (BANGUNAN SAIE)	183
Bab 7	DI DATARAN LUAR MASJIDILHARAM	197
Bab 8	MA'LA	223
Bab 9	MASYA'IR: ARAFAH, MUZDALIFAH DAN MINA	239
Bab 10	LAGI LOKASI SIRAH DI MAKKAH	283
Bab 11	TAIF	319





Dulu Nabi pernah bermalam dan mandi di sini sebelum masuk ke Masjidilharam. Di mana ya? Teruskan meneroka.

2 MAKKAH MENGHUBUNGKAN KITA DENGAN RASULULLAH

Makkah tanah tumpah darah Rasulullah. Kampung halaman Nabi. Di sini Baginda lahir, membesar dan mendewasa kemudian membina rumah tangga dengan isteri tercinta.

Di sini Baginda menjadi rasul, menjalankan tugas dakwah dan menanggung bebannya. 53 tahun Nabi hidup di Makkah sebelum terusir keluar.

Beberapa ketika sebelum berhijrah. Ketika itu Rasulullah berdiri di Hazwarah, sebuah pasar Makkah lalu Baginda meluahkan,

وَاللَّهِ إِنَّكِ لخيرُ أرضِ اللَّهِ
وأحبُّ أرضِ اللَّهِ إليَّ.
ولولا أن أَهْلَكِ أخرَجوني
منكِ ما خَرجتُ

"Sungguh engkau bumi Allah yang terbaik. Engkaulah muka bumi Allah yang paling aku suka. Andai tidak kerana pendudukmu menghalau aku keluar darimu, nescaya aku tidak akan keluar!"

(Riwayat al-Hakim)

Maka manfaatkanlah peluang berada di Makkah untuk meneroka sirah hidup Nabi. Sungguh-sungguh! Jejaklah lokasi-lokasi berkait sirah Baginda yang masih boleh dikunjungi, sebelum sebahagiannya hilang ditelan pembangunan.

KAABAH NABI IBRAHIM

Berdasarkan analisis riwayat yang berkaitan dan lakaran orang lain, berikut lakaran saya berkenaan Kaabah Nabi Ibrahim.



BERIKUT BEBERAPA CATATAN TENTANG KAABAH NABI IBRAHIM:

1. Dibina dengan susunan batu tanpa diikat dengan simen atau tanah liat.
2. Dibina di atas anak bukit merah yang lama kelamaan menjadi rata akibat hakisan.
3. Berlantaikan tanah, dengan ketinggian 9 hasta tanpa bumbung. Kira-kira 4.32 meter dalam ukuran hari ini.
4. Berbentuk sepertimana dalam lakaran. Dinding sebelah Hajarulaswad lurus dengan dua bucu, manakala dinding sebelah Hijr Ismail melengkung separa bulatan.
5. Ada satu pintu keluar masuk sahaja, menurut al-Kurdi, terbuka tanpa daun pintu.
6. Lebar dinding depan, 33 hasta. Dinding belakang 30 hasta. Dinding sebelah Hajarulaswad, 20 hasta. Dinding sebelah Hijr 22 hasta.
7. Hijr Ismail pada asalnya ialah kandang kambing Ismail yang dilingkungi pokok arak.
8. Ukuran hasta Nabi Ibrahim adalah sama dengan hasta orang Arab kemudian kerana saiz dan ketinggian baginda adalah lebih kurang sama dengan orang Arab semasa. Hal ini berdasarkan ukuran saiz tapak kaki baginda pada maqam Ibrahim.

Dulu Rasulullah mendekapkan badan Baginda; dada, pipi, dahi dan tangan kepadanya.

lakukan tawaf. Malam itu beliau lakukan tiga kali ibadah tawaf. Satu kali tawaf tujuh pusingan. Setiap kali selesai satu tawaf, beliau berdiri di antara pintu dan bucu untuk berdoa. (Riwayat al-Azraqi)

Imam al-Azraqi juga ada membawa satu riwayat yang menyebut bahawa Nabi Adam ialah manusia pertama tawaf Kaabah dan berdoa di multazam lalu Allah terus memakbulkan doanya.

TEMPAT RASULULLAH BERILTIZAM

Saya tidak jumpa riwayat Nabi sendiri menyebut tentang kelebihan berdoa di sini atau berdoa. Bagaimanapun saya temui riwayat yang Nabi memang beriltizam di situ. Itupun cukup istimewa. Syuaib berkata, "Aku tawaf bersama Abdullah bin Amru. Ketika lalu belakang Kaabah, aku pun berkata, 'Tidakkah tuan doa mohon berlindung?' Beliau pun berdoa, 'Aku berlindung dengan Allah daripada neraka.'

Selepas itu dia berjalan lagi sehingga beristilam dengan hajarulaswad. Selepas itu beliau berhenti di antara bucu dengan pintu, lalu menempelkan dadanya, dahinya, dua tangan berserta tapaknya di situ. Kemudian dia berkata, 'Beginilah dulu aku tengok Rasulullah buat.'" (Riwayat Abu Dawud, al-Baihaqi, Ibn Majah)

Maka dalam perbincangan hukum, ulama mengatakan sunat menempelkan dada, pipi, dahi, tangannya ke multazam sambil berdoa di situ. Boleh buat bila-bila masa.

Maka bolehlah kita berazam untuk lakukannya walaupun sekali, sebagaimana azam kita untuk mencium Hajarulaswad.

BAHAGIAN 6
PINTU KAABAH



Beralih pula ke bahagian ini. Pintu Kaabah pada hari ini boleh jadi antara pintu termahal di dunia. Daun pintu serta bingkainya diperbuat dengan 280 kg emas tulen. Kerajaan Saudi membelanjakan sebanyak 13.42 juta riyal untuk menghasilkannya. Pintu Kaabah serta bingkainya berhiaskan khat-khat indah yang menanti untuk diterokai dari dekat.

PINTU KAABAH DULU DAN SEKARANG

Kaabah Nabi Ibrahim dulu tiada daun pintu pun. Terbuka begitu sahaja. Datang zaman kemudian baru dibuat. Ada pelbagai riwayat tentang siapa dan bila kali pertama daun pintu Kaabah dibuat. Satu pendapat menyebut Raja Tubba' orang pertama buat.

Semasa pembinaan Kaabah Quraisy pula, mereka sengaja membuat daun pintu siap berkunci, bahkan meninggikan kedudukannya sekitar dua meter dari paras tanah, justeru perlukan tangga untuk masuk. Quraisy buat renovasi ini untuk mudah mengurus hal ehwal masuk keluar Kaabah. Hanya orang yang dapat keizinan sahaja dibenarkan. Menurut riwayat imam al-Fakihi, pintu Kaabah dibuka setiap Isnin dan Jumaat pada zaman jahiliah.

Kaabah asal ada satu atau dua pintu?

Sejarawan tidak sependapat. Syeikh al-Kurdi berpendapat Kaabah Nabi Ibrahim hanya ada pintu depan sahaja. Bagaimanapun memang sabit Rasulullah berhasrat hendak wujudkan dua pintu; pintu masuk di depan Kaabah, pintu keluar

NASIHAT -JANGAN USAP MAHUPUN CIUM MAQAM IBRAHIM!

Andai tiada pengawal, tidak tahulah apa jadi! Saya sendiri pernah menyaksikan seorang wanita memeluk binaan maqam Ibrahim sungguh-sungguh sebelum dihalau pengawal. Saya juga pernah tengok beberapa kali orang curi-curi mengusap cermin Maqam Ibrahim dengan sehelai kain. Kemudian dia curi-curi usap pula Hijir Ismail dengannya. Apa di benaknya pada ketika itu? Ambil berkat kononnya.

Abdullah bin Zubair pernah tegur apabila lihat ada orang buat begitu. Kata beliau, "Kamu tidak diarahkan menyentuhnya, kamu disuruh solat di situ!" (Riwayat al-Fakihi)

Ketika itu, Maqam Ibrahim dalam keadaan terdedah belum ditutup dengan apa-apa sebagaimana hari ini.

Qatadah juga menegur orang pada zamannya, "Apa yang diperintahkan ialah solat di situ bukan mengusapnya. Umat ini semakin terikut-ikut umat terdahulu." (Riwayat al-Azraqi)

Ibadah, seninya mengikut rapat-rapat apa yang Nabi buat. Segala yang Nabi buat sudah tentu mengikut kehendak Allah. Nabi tidak mencium mahupun mengusap Maqam Ibrahim. Nabi hanya menjadikannya sebagai arah menghadap Kaabah yang spesifik sahaja. Fikir-fikirkan. Nabi tidak mengucup batu Maqam Ibrahim walaupun asal-usulnya sama dengan Hajarulaswad. Jadi Nabi mengucup Hajarulaswad bukan sebab batu itu keramat, tetapi sebab perintah Allah.

2 TINGKAT-TINGKAT BANGUNAN MASJIDILHARAM

Bangunan Masjidilharam hari ini ada empat tingkat. Bagaimanapun jika mengikut nama rasminya, mungkin kita keliru.

1 TINGKAT PERTAMA
TINGKAT ARAS BAWAH (*GROUND FLOOR*)

Tingkat di mana terletaknya mataf dan Kaabah.

2 TINGKAT KEDUA
TINGKAT MEZANIN (*MEZZANINE FLOOR*)

Di sana kita akan rasakan dan katakan bahawa ini tingkat *ground floor*. Apa tidaknya. Dari dataran luar kita masuk-masuk terus ke tingkatan ini. Dari tingkat ini, jika hendak ke mataf, kita kena turun tangga atau eskalator yang disediakan. Di tingkat ini kita boleh melalukan tawaf dalam bangunan. Ada kawasan khususnya.

Pada saat ini (2025), orang berkerusi roda tidak dibenarkan masuk tingkat ini apa lagi hendak beribadah di mataf.

Dari segi bahasa, mezanin ialah tingkat di antara tingkat bawah dengan tingkat di atasnya.



3 TINGKAT KETIGA
TINGKAT PERTAMA (*FIRST FLOOR*)

Jemaah berkerusi roda hanya boleh melaksanakan ibadah tawaf, dan ibadah lain di tingkat ini. Dari dataran luar, ada jejambat-jejambat yang membawa ke tingkat ini. Sudah tentu berbayar. Jemaah yang sihat juga tiada halangan masuk ke sini. Ada tangga dan eskalator.

KHAS - BAYANGAN MAKKAH PADA ZAMAN NABI

Membaca riwayat-riwayat lokasi yang dicatatkan oleh al-Azraqi membuatkan saya membuak-buak hendak menghasilkan peta bayangan Makkah pada zaman Nabi. Syukur saya dipertemukan dengan peta sebegini yang telah diusahakan oleh Abdul Aziz bin Imad al-Ateeqi. Beliau lebih dulu menghasilkannya dengan sangat baik.

Peta yang saya hasilkan ini adalah versi mudah berdasarkan peta beliau yang jauh lebih padat maklumat.



SENARAI LOKASI RUMAH

1. Mawlid
2. Abu Talib
3. Abbas
4. Arqam
5. Khadijah
6. Abu Lahab
7. Abu Sufyan
8. Uqbah bin Abi Mu'ith
9. Utbah bin Rabiah
10. Auf bin Abdu Auf (Ayah Abdul Rahman bin Auf)

di mana. Ketika itu ribuan jika tidak puluhan ribu manusia datang untuk buat haji bersama Nabi. Sejak dari Madinah lagi sangat ramai orang ikut serta.

Kata Jabir, "Aku tengok ke depan, sejauh mata memandang dengan orang menunggang dan berjalan kaki. Sebelah kanan pun begitu. Sebelah kiri pun begitu. Di belakang pun begitu. Rasulullah berada di tengah-tengah kami." (Riwayat Muslim)

Kemudian di sepanjang perjalanan menuju ke Makkah, datang lagi puluhan atau tidak ratusan rombongan jemaah haji kabilah lain. Mereka datang dari kampung masing-masing. Datang ke sini tidak serentak.

Siapa yang baru sampai, boleh tahu Nabi berada di mana. Ketika itu Arafah bertukar menjadi lautan manusia.

DUA JALAN KE TAIF DARI MAKKAH

Pada hari ini ada dua jalan yang menghubung antara dua kota bersejarah kampung Nabi ini.

1. **Jalan Sail Kabir**. Ini jalan raya paling utama yang dibina di atas laluan dagang utama sejak dulu. Nabi ke Taif melalui sebelah sini. Di laluan ini terletaknya miqat Qarn al-Manazil yang jemaah tanah air berihram di dalam kapal terbang tatkala melintasinya.
1. **Jalan Hada**. Jalan bukit dengan pemandangan unik. Bas dan lori tidak melalui jalan ini. Saya tidak pasti jalan ini wujud sejak bila. Bagaimanapun jalannya pada hari ini dibuka pada tahun 1965. Di laluan ini terletaknya miqat Wadi Mahram.

Sebagai tambahan, satu lagi miqat yang ada di sebelah Taif ialah miqat Zat al-Irq yang berlokasi di satu lagi laluan dagang lama ke sebelah Iraq. Bagaimanapun miqat ini tidak berapa dilintasi lagi pada hari ini.

Ayuh kita teruskan meneroka Taif dengan lebih dekat mengikut pecahan bahagian berikut:

- Bahagian 1 - Jalan Hada
- Bahagian 2 - Jalan Sail Kabir
- Bahagian 3 - Taif





1. Gerbang Ibn Abbas
2. Kubur Syuhada Taif
3. Perkuburan masa kini
4. Kubur Ibn Abbas
5. Pekan lama Taif (Tapak Kubu Taif)
6. Tinggalan kubu Taif
7. Masjid Sanusi
8. Gerbang Rai'
9. Gerbang Hazm

KUBUR SYUHADA TAIF

PERPUSTAKAAN IBN ABBAS

TAPAK KOTA LAMA TAIF

LOKASI 13 MASJID ADDAS

Dari Masjid Ibn Abbas, dalam tiga kilometer. Saya amat syorkan untuk anda jejak juga ke masjid kecil ini jika mampu. Persekitarannya bakal memberi pengalaman istimewa kepada kita. Ditambah pula dengan babak sirah yang patut dikenang-kenangkan apabila jejak ke sini. Dan masjid ini menjadi penanda lokasinya yang umum sahaja.

Saya katakan begitu kerana sukar menemui riwayat meyakinkan yang menyebut di sini tempatnya. Maka terbuka kepada kemungkinan ya dan tidak. Tambahan lagi jika kita melihat peta dari pandangan satelit, arah keluar masuk ke Taif adalah bertentangan! Perhatikan peta Wadi Wajj sebelum ini. Bila pertama kali masjid ini dibina pun tiada riwayat tentangnya.

Cuma antara catatan yang saya temui adalah menurut al-Zirikli (w. 1929M) daripada rekod al-Miyurqi (w. 1423) bahawa masjid ini dibina di atas lokasi Nabi berlindung daripada balingan batu warga Taif. Di sini Addas menemui Baginda dan kemudiannya beriman. Di sini Addas dikebumikan.

Ada seorang dermawan mewakafkan kebun ini kepada Addas sebagai penghargaan buat beliau

Bagaimanapun saya tidak perasan sebarang kubur di dalam kawasan masjid ini. Walau bagaimanapun saya secara peribadi tetap memanfaatkan masjid ini sebagai penanda lokasi bagi babak sirah berikut.

MASJID ADDAS